



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: www.umt.edu.my

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : **UMT/BEND/100-4/8 JLD.5(12)**
Tarikh : **10 Mei 2023**
Bersamaan : **19 Syawal 1444H**

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 9 TAHUN 2023

KADAR ELAUN MAKAN KEPADA ATLET, SUKARELAWAN DAN PENGURUS PASUKAN PELAJAR UMT YANG MENYERTAI KEJOHANAN/ PROGRAM/ MAJLIS SERTA SEMUA AKTIVITI SUKAN BAGI WARGA UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang kadar elaun makan kepada atlet, sukarelawan dan pengurus pasukan pelajar UMT yang menyertai kejohanan/program/majlis serta semua aktiviti sukan bagi warga Universiti Malaysia Terengganu.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2014- Garis Panduan Pengurusan Kewangan Bagi Melaksanakan Program/Aktiviti Pelajar telah menetapkan kadar elaun makan bagi program/aktiviti pelajar adalah sebanyak RM20.00 sehari. Elaun makan layak dibayar apabila sesuatu aktiviti dijalankan tidak kurang daripada 24 jam (termasuk waktu perjalanan).
- 2.2 Walaubagaimanapun, semakan semula berkenaan kadar ini telah dibuat berdasarkan justifikasi berikut:
- a. kadar sedia ada telah digunakan bermula tahun 2014 dan kurang relevan dengan kos sara hidup semasa; dan
 - b. memberi suntikan semangat kepada pengurus dan atlet pelajar dalam mengekalkan pencapaian dan kejayaan pasukan.
- 2.3 Semakan semula dan perubahan kadar ini telah diperaku dan diluluskan oleh jawatankuasa berikut:
- a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Kali Ke-66 Bil. 2 Tahun 2023 pada 13 April 2023; dan
 - b. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-61 Bil. 2 Tahun 2023 pada 16 April 2023.

3. KADAR BAHARU ELAUN MAKAN KEPADA ATLET, SUKARELAWAN DAN PENGURUS PASUKAN PELAJAR UMT YANG MENYERTAI KEJOHANAN/PROGRAM/MAJLIS SERTA SEMUA AKTIVITI SUKAN

Kadar baharu elaun makan kepada atlet, sukarelawan dan pengurus pasukan pelajar UMT yang menyertai kejohanan/program/majlis serta semua aktiviti sukan bagi warga Universiti Malaysia Terengganu adalah seperti Jadual 1 berikut:

Perkara	Kadar (RM)
Hari pertandingan/kejohanan	RM25.00 /sehari
Latihan (maksimum 5 hari sebelum kejohanan)	RM15.00 /sehari

Jadual 1: Kadar baharu elaun makan kepada atlet, sukarelawan dan pengurus pasukan pelajar UMT yang menyertai kejohanan/program/majlis serta semua aktiviti sukan

4. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, perkara 5.2.1 pada Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2014 adalah dibatalkan.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai 01 Jun 2023.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
5. Fail